

Beri penerangan kebaikan vaksin: Dr Siti Hasmah

Langkawi: Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali meminta pengamal perubatan dan jururawat untuk memberikan nasihat sebaik mungkin kepada ibu bapa mengenai kepentingan suntikan vaksin untuk kebaikan kesihatan anak mereka.

Isteri Perdana Menteri berkata, beliau mengetahui ada dalam kalangan ibu bapa yang bersikap anti-vaksin dan enggan membenarkan anak mereka disuntik kerana pelbagai faktor dan kepercayaan.

"Ada ibu bapa yang beranggapan tidak perlu vaksin sebab anak mereka akan membesar dan membina imunisasi secara natural (se-

mula jadi), tapi tidak bolehlah ibu bapa tunggu sehingga anak ada imunisasi.

"Takkan kita nak tengok nanti berlaku sesuatu kepada anak kita kerana kesan daripada lambat atau tidak diberi vaksin seperti lumpuh dan sebagainya," katanya ketika melawat dan menyampai-kan amanat kepada kakitangan dan jururawat di Klinik Kesihatan Ayer Hangat, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan seorang jururawat yang bertanya mengenai tip menasihatkan ibu bapa yang enggan membenarkan anak mereka terutamanya yang baharu dilahirkan

disuntik vaksin.

Kurang pengetahuan

Siti Hasmah berkata, ibu bapa yang bersikap antivaksin ini selalunya akibat kurang pengetahuan mengenai kepentingan vaksin atau mendapat maklumat daripada sumber yang tidak tepat.

"Ada yang memberi pandangan daripada sudut agama bahawa ia haram dan ada juga yang beranggapan vaksin ini akan memberi side effect (kesan sampingan) kepada anak mereka.

"Bukan kita bagi vaksin kemudian anak itu demam, itu bukanlah bahaya side effect kerana vaksin

ini untuk mencegah penyakit yang lebih berbahaya," katanya.

Siasat amalan mencurigakan

Dalam pada itu, Siti Hasmah berkata masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu memang terenal dengan pelbagai amalan perubatan dan kepercayaan secara tradisional, namun perlu mendapatkan fakta dan maklumat tepat mengenainya.

"Kita orang Melayu banyak amalan, macam mengurut badan itu memang baik, tapi amalan mencurigakan mungkin kena siasat dahulu dan dapatkan maklumat terperinci," katanya.

BERNAMA

Takkan kita nak tengok nanti berlaku sesuatu kepada anak kita kerana kesan daripada lambat atau tidak diberi vaksin seperti lumpuh dan sebagainya"

Dr Siti Hasmah Mohamad Ali,
Isteri Perdana Menteri